GXBank

## Kempen GXBank x Grab Rewards - Soalan Lazim

Tarikh Berkuat Kuasa: 26 Ogos 2025

<table>
<tr><th>Soalan</th><th>Jawapan</th></tr>
<tr><td>Apakah kempen ini?</td><td>Kempen Ganjaran GXBank x Grab Rewards dianjurkan oleh GX Bank Berhad dengan kerjasama Grab, dan akan berlangsung dari 26 Ogos 2025 hingga 25 Ogos 2026, atau apabila Ganjaran Kempen telah mencapai Had Maksimum, atau tempoh lain yang mungkin ditentukan oleh GXBank mengikut budi bicara mutlaknya ("Tempoh Kempen").</td></tr>
<tr><td>Adakah saya layak untuk menyertai kempen ini?</td><td>Kelayakan Kempen:<br>Kempen ini terbuka kepada semua pelanggan individu GXBank yang mempunyai Akaun GX dan yang telah memautkan akaun GX mereka ke akaun Grab mereka dalam Aplikasi Grab mereka ("Pelanggan Layak").<br><br>Nota Penting:<br>Pelanggan GXBank yang sebelum ini telah memautkan dan kemudiannya menyahpaut Akaun GX mereka ke akaun Grab mereka dalam Aplikasi Grab, tidak layak untuk menyertai Kempen ini.</td></tr>
<tr><td>Apakah ganjaran kempen dan bagaimanakah saya boleh mendapatkannya?</td><td>Ganjaran Kempen dibahagikan kepada:<br><br>Kategori Ganjaran 1: Bayar Perkhidmatan Grab menggunakan Akaun GX yang Dipautkan
<table><tr><th>Ganjaran Kempen</th></tr><tr><td>0.5X Mata Ganjaran Grab Rewards untuk setiap RM1 yang dibelanjakan</td></tr></table>
Kategori Ganjaran 2: Tambah nilai Dompet GrabPay menggunakan Akaun GX yang Dipautkan
<table><tr><th>Ganjaran Kempen</th></tr><tr><td>0.5X Mata Ganjaran Grab Rewards untuk setiap RM1 yang dibelanjakan</td></tr></table>
Kriteria Kelayakan:<br>Untuk menerima Ganjaran Kempen, anda mesti:
<ol>
<li>anda mesti mempunyai Akaun GX sedia ada dalam kedudukan yang baik; dan</li>
<li>anda mesti telah memautkan Akaun GX anda ke akaun Grab anda dalam Aplikasi Grab anda; dan</li>
<li>anda mesti membayar menggunakan Akaun GX anda yang dipautkan untuk GrabFood, GrabCar, GrabMart, GrabExpress atau GrabGifts (secara kolektif, "Perkhidmatan Grab") untuk menikmati Kategori Ganjaran 1</li>
<li>anda mesti menambah nilai dompet GrabPay anda menggunakan akaun GX yang dipautkan untuk menikmati Ganjaran Kategori 2</li>
</ol>
Nota Penting:<br>Ganjaran Kempen boleh ditebus dan digunakan dalam Aplikasi Grab menggunakan kaedah pembayaran Akaun GX, Kad GX atau Dompet GrabPay yang dipautkan sahaja.</td></tr>
</table>

<table>
<tr><td></td><td>Ilustrasi Kelayakan Ganjaran Kempen:<br><br>
<table>
<tr><th></th><th>Ilustrasi</th><th>Kelayakan Ganjaran Kempen</th></tr>
<tr><td>1</td><td>Pelanggan A<br>Membayar untuk transaksi GrabFood bernilai RM100 menggunakan Akaun GX yang dipautkan.</td><td>Pelanggan A layak menerima 50x mata GrabRewards untuk transaksi tersebut</td></tr>
<tr><td>2</td><td>Pelanggan B<br>Membayar untuk transaksi GrabFood bernilai RM100 menggunakan Kad GX</td><td>Pelanggan B tidak layak mendapat mata GrabRewards untuk transaksi tersebut<br><br>Nota: Pelanggan perlu memautkan Akaun GX mereka dan membuat pembayaran untuk perkhidmatan Grab bagi layak mendapat mata ganjaran Grab Rewards</td></tr>
<tr><td>3</td><td>Pelanggan C<br>- membayar untuk transaksi tambah nilai Dompet GrabPay RM100 menggunakan Akaun GX yang dipautkan.<br>- membayar RM50 untuk transaksiGrabFood menggunakan Akaun GX yang dipautkan</td><td>Pelanggan C layak menerima 75x mata GrabRewards untuk transaksi tersebut<br><br>Nota: Pelanggan yang layak akan menerima 0.5x mata ganjaran GrabRewards untuk setiap RM1 yang dibelanjakan untuk transaksi tambah nilai Dompet GrabPay dan 0.5x lagi Mata ganjaran GrabRewards untuk setiap RM1 yang dibelanjakan untuk pembayaran menggunakan Akaun GX yang dipautkan (seperti yang digambarkan dalam Klausa 4.1)</td></tr>
</table></td></tr>
<tr><td>Bilakah saya akan menerima ganjaran kempen?</td><td>Ganjaran Kempen akan dikreditkan ke akaun Grab anda dalam Aplikasi Grab anda serta-merta, selepas anda melengkapkan Kriteria Kelayakan.<br><br><u>Nota Penting</u>:<br>Dalam kes yang luar biasa, pengkreditan Ganjaran Kempen boleh mengambil masa sehingga dua (2) minggu selepas anda melengkapkan Kriteria Kelayakan.</td></tr>
<tr><td>Di manakah saya boleh mendapatkan terma dan syarat kempen penuh?</td><td>Anda boleh mendapatkan terma dan syarat penuh di sini:<br>https://www.gxbank.my/campaign-tnc</td></tr>
<tr><td>Siapakah yang boleh saya hubungi jika saya mempunyai soalan lanjut tentang</td><td>Untuk maklumat lanjut, pertanyaan, maklum balas dan/atau aduan yang berkaitan dengan Kempen ini, sila hubungi Sokongan Pelanggan GXBank melalui sembang dalam Aplikasi GX. Sebagai alternatif, anda boleh menghubungi kami di +603 7498 3188 atau menghantar e-mel kepada kami di ask@gxbank.my.</td></tr>
</table>

| | |
|---|---|
| kempen ini? | Jika anda mengalami sebarang masalah berkaitan pengkreditan atau penebusan Ganjaran Kempen pada Aplikasi Grab anda, sila hubungi **Sokongan Grab** melalui sembang dalam Aplikasi Grab. |